**P.U. (A) 253.**

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (PERAKUAN PEMATUHAN DAN TANDA PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 dan 150 Akta Pelindungan Pengguna [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2010.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"barang" ertinya barang sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama;

"makmal bertauliah" ertinya makmal yang ditauliahkan oleh Jabatan Standard Malaysia atau diiktiraf melalui apa-apa perkiraan yang dibuat oleh Jabatan Standard Malaysia;

"pemilik produk" ertinya pemilik produk seperti yang dinyatakan di dalam ruang (3) Jadual Pertama;

"perakuan pematuhan" ertinya perakuan yang dibuat di bawah peraturan 5 menurut suatu deklarasi oleh pemilik produk di bawah peraturan 4;

"tanda pematuhan" ertinya tanda pematuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

**Pendaftaran aktiviti perniagaan sebelum deklarasi**

3. (1) Pemilik produk, sebelum membuat deklarasi menurut peraturan 4, hendaklah mendaftarkan aktiviti perniagaannya untuk membekalkan atau menawarkan atau mengiklankan bagi perbekalan atau pengimportan apa-apa barang dengan Pengawal.

(2) Pengawal hendaklah menguntukkan nombor pendaftaran kepada setiap pemilik produk yang berdaftar.

(3) Bagi maksud pendaftaran di bawah subperaturan (1), pemilik produk hendaklah memberikan kepada Pengawal apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal.

(4) Pengawal bolehlah, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan untuk pendaftaran di bawah subperaturan (1), meminta secara bertulis untuk pemilik produk menyediakan dokumen tambahan atau maklumat mengikut masa yang ditentukan oleh Pengawal.

(5) Jika subperaturan (3) atau (4) tidak dipatuhi, permohonan bagi pendaftaran hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik, tetapi tanpa menjejaskan kepada permohonan baru yang dibuat oleh pemilik produk.

(6) Mana-mana pemilik produk yang gagal untuk mematuhi peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Deklarasi pematuhan**

4. (1) Pemilik produk yang berniat untuk membekalkan, atau menawarkan atau mengiklankan bagi membekalkan, atau mengimport apa-apa barang hendaklah memastikan barang itu telah pun diuji oleh makmal bertauliah dan mematuhi standard keselamatan berhubungan dengan barang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

(2) Pemilik produk hendaklah membuat deklarasi bahawa barang itu telah mematuhi standard keselamatan dalam bentuk suatu perakuan pematuhan yang hendaklah dikeluarkan mengikut cara yang ditentukan oleh Pengawal.

(3) Mana-mana pemilik produk yang gagal untuk mematuhi peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Perakuan pematuhan**

5. (1) Pemilik produk hendaklah mengemukakan perakuan pematuhan kepada Pengawal mengikut cara yang ditentukan oleh Pengawal dan Pengawal hendaklah menguntukkan nombor rujukan kepada setiap perakuan pematuhan.

(2) Pemilik produk hendaklah menyimpan perakuan pematuhan itu dan menyenggara rekod atau dokumen yang berhubungan dengan spesifikasi barang dan pematuhan terhadap standard yang dikeluarkan oleh makmal bertauliah dan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal dan hendaklah, apabila diminta, memberikan kepada Pengawal perakuan pematuhan, rekod atau dokumen itu.

(3) Pemilik produk hendaklah memberikan kepada pengedar atau peruncit barangnya nombor rujukan perakuan pematuhan bagi barang itu secara bertulis, atau satu salinan perakuan pematuhan itu, dan pengedar atau peruncit itu hendaklah mengemukakan nombor rujukan atau salinan perakuan pematuhan itu kepada Pengawal apabila diminta untuk berbuat demikian.

(4) Jika pengedar memasuki apa-apa urusniaga dengan pengedar atau peruncit lain bagi barang itu, pengedar hendaklah memberikan kepada pengedar atau peruncit lain itu nombor rujukan perakuan pematuhan secara bertulis, atau satu salinan perakuan pematuhan, dan pengedar atau peruncit itu hendaklah mengemukakan nombor rujukan atau salinan perakuan pematuhan itu kepada Pengawal apabila diminta untuk berbuat demikian.

(5) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Menandakan atau melekatkan tanda pematuhan atau butiran pada barang-barang, dsb.**

6. (1) Pemilik produk yang telah memenuhi kehendak-kehendak di bawah peraturan-peraturan 3, 4 dan 5 hendaklah menandakan atau melekatkan barang itu dengan tanda pematuhan dan butiran sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(2) Barang itu hendaklah ditandakan atau dilekatkan dengan cara yang tidak boleh tanggal, dalam kedudukan yang mudah dilihat yang senang dibaca oleh mana-mana orang, dengan butiran berikut:

*(a)* mana-mana satu tanda pematuhan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, yang bersaiz minimum 5 mm X 5 mm;

*(b)* nombor pendaftaran yang diuntukkan di bawah subperaturan 3(2) yang akan diletakkan di bawah tanda pematuhan; dan

*(c)* nama dan alamat pemilik produk atau mana-mana wakil yang diberi kuasa oleh pemilik produk barang itu, yang boleh termasuk pengedar atau peruncit barang itu.

(3) Jika cara bagi menandakan atau melekatkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (2) adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan pada barang itu, butiran di bawah subperaturan (2) boleh ditandakan atau dilekatkan pada setiap unit pembungkus, kotak atau bekas yang di dalamnya barang itu dibekalkan kepada pengguna.

(4) Mana-mana pemilik produk yang gagal untuk mematuhi peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Obligasi pemilik produk**

7. (1) Pemilik produk hendaklah mengambil tindakan pembaikan dengan seberapa segera yang praktik setelah menerima maklumat bahawa barang itu telah menyebabkan atau boleh menyebabkan kecederaan kepada orang atau sebaliknya tidak selamat atau barang yang telah berada di pasaran tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pemilik produk hendaklah memaklumkan Pengawal dalam masa yang munasabah mengenai maklumat yang dirujuk dalam subperaturan (1) dan tindakan pembaikan yang telah diambil oleh pemilik produk.

(3) Mana-mana pemilik produk yang gagal untuk mematuhi peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Barang bagi maksud percontohan, demonstrasi atau penyelidikan dan pembangunan**

8. (1) Mana-mana orang yang mengimport barang bagi maksud percontohan, demonstrasi atau penyelidikan dan pembangunan adalah dikecualikan daripada peraturan 3, 4, 5, 6 dan 7.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), orang itu hendaklah melengkapkan dan menyerahkan borang pemberitahuan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal bagi memaklumkan Pengawal mengenai pengimportan barang itu.

(3) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi peraturan atau yang membekalkan barang itu selain bagi tujuan peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Ketakpatuhan kepada standard keselamatan**

9. Kegagalan untuk mematuhi Peraturan-Peraturan ini adalah disifatkan sebagai kegagalan untuk mematuhi standard keselamatan di bawah seksyen 19 Akta.

**Pembatalan**

10. Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2009 [*P.U. (A) 276/2009*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 5]

| (1) *Barang* | (2) *Peraturan-Peraturan* | (3) *Pemilik Produk* |
|---|---|---|
| 1. Mainan | Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Standard Keselamatan bagi Mainan) 2009 [*P.U. (A) 275/2009*] | Pengilang tempatan atau pengimport atau pembekal yang menjalankan aktiviti pembungkusan semula barang |

JADUAL KEDUA

[Peraturan 6]

TANDA PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN

atau

Dibuat 27 Julai 2010
[PUU(U$^2$)26/2/5; PN(PU$^2$)607/III]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA